

30 Julai 2024



Projek bina, siapkan jalan perhubungan desa 5 pos Orang Asli babit RM190 juta

GUA MUSANG: Kerajaan komited melaksanakan projek membina dan menyiapkan jalan perhubungan desa sepanjang 94 kilometer (km) di lima pos Orang Asli di sini, membabitkan kos RM190 juta.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata projek berkenaan sepatutnya dilaksanakan sejak Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), namun ia tidak dilaksanakan.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, lima Pos Orang Asli yang terbabit adalah Kuala Betis, Bihai, Belatim, Balar dan Poshau.

"Saya tidak mahu menyalahkan mana-mana pihak dan kerajaan mana, namun Kerajaan Madani komited akan melaksanakan projek yang tertangguh ini."

"Projek ini akan memberi impak sosioekonomi dan manfaat kepada 7,147 penduduk Orang Asli di 68 kampung di sini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Perhubungan Desa dan Projek Mengganti Jambatan Batu 6, di sini, hari ini.

Katanya, selain membina dan menyiapkan jalan perhubungan desa, pihaknya juga akan membina jambatan baru di Batu 6 yang runtuh akibat banjir membabitkan kos RM11 juta.

"Projek membina jalan perhubungan desa mengambil masa selama 48 bulan namun saya meminta Kementerian Kerja Raya mencari jalan untuk mempercepatkan projek berkenaan."

"Dengan siapnya projek berkenaan, ia akan memendekkan tempoh perjalanan selain menokthakan kesengsaraan penduduk serta guru yang bertugas di pos berkenaan," katanya.

Tegasnya, projek pecah tanah berkenaan tidak mempunyai kaitan dengan Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri, sebaliknya ia hanya kebetulan.

"Jabatan Kemajuan Orang Asli dan penduduk Orang Asli serta Ahli Dewan Undangan Negeri Galas sudah beberapa kali meminta bantuan saya sejak awal tahun ini supaya meneruskan projek berkenaan," katanya.